

# TANGGUNGJAWAB PEMPENGARUH

TINGKATKAN KESEDARAN LITERASI MEDIA SOSIAL

Penggunaan platform media sosial secara meluas sebagai sebuah medium perkongsian maklumat, perniagaan, hiburan, pendidikan dan aktiviti sosial menjadi penanda aras bahawa media sosial telah menjadi sebahagian penting dalam kehidupan harian masyarakat.

**M**edia sosial, seperti Instagram, TikTok, YouTube dan Aplikasi X membuka peluang kepada setiap pengguna untuk membina pengaruh tanpa memerlukan status sebagai seorang artis, selebriti atau latar belakang formal dalam industri hiburan.

Pengguna media sosial kini tidak lagi sekadar menjadi pemerhati, disebabkan mereka kini turut menjadi penghasil dan pencipta kandungan. Mereka boleh berkongsi pandangan dan pengalaman dalam apa-apa jua bidang atau subjek, sekali gus membentuk budaya dan trend secara global. Lantaran itu, lahirlah pengengaruh (influencer) yang berkembang melalui interaksi dengan komuniti pengikut yang mereka bina dalam media sosial.

Suatu ketika dahulu, untuk menghasilkan kandungan dalam platform media tradisional (seperti produksi televisyen atau filem), memerlukan alat dan sumber melibatkan kos yang agak mahal, namun kini kewujudan media

sosial membenarkan sesiapa sahaja untuk menghasilkan dan berkongsi kandungan dengan hanya menggunakan telefon pintar dan akses Internet, yakni merangkumi pelbagai jenis kandungan seperti video, blog, gambar, tutorial, ulasan produk dan banyak lagi.

Meskipun memperoleh pelbagai manfaat yang ditawarkan, pengguna media sosial juga tidak lari daripada cabaran atau kesan sebaliknya. Permasalahan atau isu salah laku penggunaan media sosial seperti kandungan seksual, buli siber, penyebaran maklumat palsu, penghinaan dan fitnah turut semakin berleluasa. Situasi ini menjadi ancaman yang serius dalam era digital, terutamanya kepada pengguna yang kurang terdedah dengan literasi media sosial.

Keperluan untuk memiliki literasi media sosial dilihat semakin kritikal dalam menghadapi lambakan maklumat yang ada kalanya mengelirukan atau tidak tepat. Pengguna media sosial perlu mahir

dalam menilai kualiti sesebuah maklumat yang disebarkan serta memahami etika penggunaan platform tersebut. Pendidikan dan kesedaran literasi media sosial harus ditekankan dan diberikan perhatian agar dapat melindungi pengguna daripada terjebak dalam perilaku berisiko yang seterusnya mungkin memberikan kesan negatif terhadap kesihatan mental, sosial dan fizikal.

Berdasarkan kajian, literasi media sosial dipercayai bukan sahaja mampu melindungi pengguna daripada ancaman yang dinyatakan, malah mampu mendorong pengguna menjadi lebih bertanggungjawab, beretika dan bijak dalam menggunakan media sosial.

Kewujudan pengengaruh media sosial seiring dengan perkembangan teknologi platform media sosial ini dilihat mampu membantu meningkatkan kesedaran literasi media sosial dalam kalangan pengguna media sosial. Dalam konteks ini, pempengaruh memainkan peranan penting sebagai individu



laku dan jenayah dalam platform media sosial. Literasi media sosial merupakan satu bentuk pengawalan sendiri dan langkah pencegahan. Hal ini tidak hanya tertumpu atau melibatkan kumpulan umur tertentu, bahkan menjadi satu keperluan terhadap semua peringkat umur. Kawalan sendiri melalui cara mendidik dan menerapkan pendidikan literasi media sosial dalam kalangan pengguna media sosial sedari peringkat umur kanak-kanak dan remaja dipercayai lebih berkesan dalam membantu mengatasi salah laku dan jenayah dalam media sosial.

### Siapakah Pempengaruh?

Pempengaruh atau lebih dikenali dengan gelaran *influencer* merupakan individu yang mempunyai pengaruh besar dalam komuniti media sosial. Kelazimannya untuk bergelar pempengaruh, seorang individu perlu memiliki jumlah pengikut yang ramai. Selain memiliki jumlah pengikut yang ramai, mereka memiliki kemampuan membentuk naratif dan kandungan yang menarik, mencipta trend, serta keupayaan untuk mempengaruhi pandangan para pengguna media sosial lain terutamanya pengikut mereka menjadi faktor seseorang individu bergelar seorang pempengaruh.

Dalam konteks ini, pempengaruh tidak hanya terdiri daripada selebriti, tokoh terkenal, pakar dalam bidang tertentu atau penghasil kandungan digital. Bahkan pengguna biasa yang telah membina reputasi melalui personaliti menarik, perkongsian kandungan yang konsisten, relevan dan keupayaan berinteraksi dengan baik juga turut berpeluang menjadi seorang pempengaruh.

Pada kebiasaannya, pempengaruh menggunakan pelbagai platform media sosial untuk berkongsi kandungan sama ada dalam bentuk imej, video atau ulasan tentang topik tertentu seperti gaya hidup, kecantikan, masakan, pendidikan, kesihatan dan banyak lagi. Selain mencipta kandungan, mereka juga dijadikan sebagai model rujukan dalam bidang tertentu dan mampu mempengaruhi pengguna lain,

terutamanya tentang sesuatu isu atau produk.

Antara ciri paling kuat media sosial termasuklah keupayaan untuk membina hubungan dua hala antara pencipta kandungan dengan pengikut. Melalui ruangan komen, pesanan langsung dan siaran langsung, pempengaruh boleh berinteraksi secara peribadi dengan audiens atau pengikut mereka. Pendekatan ini mampu membina hubungan yang rapat dan mencambahkan kepercayaan antara pempengaruh dengan pengikut, seterusnya wujud kesetiaan dalam kelompok pengikut tersebut. Justeru, hal ini membuatkan pengikut lebih mudah dan terbuka untuk menerima setiap pandangan dan cadangan yang dilontarkan oleh pempengaruh. Interaksi berbentuk begini menjadi kunci kepada kejayaan seorang pempengaruh kerana mereka dianggap lebih autentik dan mudah didekati.

### Tanggungjawab dan Peranan Pempengaruh

Kelebihan yang dimiliki seorang pempengaruh terletak pada hubungan peribadi yang dibina dengan pengikut mereka. Pengguna media sosial atau pengikut mereka berasa terhubung dengan pempengaruh kerana kemudahan capaian media sosial itu sendiri dan sikap mereka yang lebih mudah didekati. Hubungan antara pengikut dengan pempengaruh dibina atas asas kepercayaan dan pempengaruh sering kali mendapat kepercayaan penuh para pengikut mereka sebagai sumber maklumat yang sahih.

Selain itu, pengaruh besar yang diperoleh menjadikan pempengaruh sebagai alat pemasaran yang kuat, memberikan ruang kepada jenama dan syarikat untuk berkolaborasi dengan mereka dalam mempromosikan produk atau perkhidmatan kepada audiens yang lebih luas. Selain bertindak sebagai medium pemasaran, pempengaruh juga mempunyai peranan besar dalam membentuk pendapat umum, menyebarkan informasi penting dan mendidik pengikut mereka, khususnya dalam aspek literasi media sosial.

yang memiliki pengaruh besar terhadap komuniti pengikut mereka.

Berbekalkan pengaruh tersebut mereka berupaya membentuk dan mempengaruhi pendapat umum. Selain itu, mereka bukan sahaja mampu mencorakkan pandangan umum, malah pada masa sama dapat membantu meningkatkan literasi media sosial dalam kalangan masyarakat. Justeru, memahami peranan dan tanggungjawab pempengaruh dalam mempromosi dan meningkatkan literasi media sosial sangat penting bagi mewujudkan ekosistem digital yang lebih sihat dan bertanggungjawab.

### Literasi Media Sosial

Literasi media sosial merujuk kemahiran menilai, menapis, memahami dan menggunakan kandungan yang terdapat dalam platform media sosial. Hal ini merangkumi kemahiran menapis maklumat, mengenali sumber yang boleh dipercayai, tetapan privasi dalam akaun media sosial dan memahami kesan penggunaan media sosial terhadap diri sendiri dan masyarakat. Literasi ini tidak sekadar hanya memahami cara pengendalian akaun media sosial, malah merangkumi cara maklumat diproses, dikongsi dan digunakan.

Dalam konteks dunia digital yang semakin kompleks dan pantas, adalah sangat kritikal untuk terapkan literasi media sosial dalam diri pengguna sebagai perisai diri daripada salah

Sebagai individu yang mendapat perhatian tinggi dalam komuniti media sosial, pengengaruh hendaklah berperanan penting dalam memastikan pengguna akan bertanggungjawab mereka dalam berkongsi maklumat dan berinteraksi secara beretika dalam platform digital. Bergelar seorang pengengaruh datang dengan amanah agar sentiasa menyebarkan maklumat yang sahih dan berkualiti, serta pada masa sama membantu pengikut mereka membezakan antara fakta dengan mitos. Melalui perkongsian bermanfaat, pengengaruh dapat membantu meningkatkan tahap kesedaran tentang kepentingan memeriksa dan mengesahkan sesebuah fakta sebelum mempercayai dan menyebarkan maklumat tersebut.

Seorang pengengaruh juga seharusnya membantu mempromosi penggunaan media sosial yang beretika dan berhemah. Antara perkara yang boleh dilakukan termasuklah dengan mendorong pengikut mereka untuk berhati-hati dalam memberikan komen, berfikir dahulu sebelum membuat sebarang hantaran, mengenal pasti sumber maklumat, serta menyarankan kaedah untuk memeriksa kesahihan sesuatu berita atau fakta tersebut. Hal ini secara tidak langsung mampu memperkasakan pengikut mereka untuk menjadi pengguna yang bijak.

Sehubungan dengan itu, pengengaruh juga bertanggungjawab dalam mempromosi etika digital, yakni mereka boleh mempengaruhi sikap dan pandangan pengikut mereka terhadap isu yang berlaku dalam

media sosial, seperti kandungan seksual, buli siber, komen negatif, atau penyebaran fitnah. Melalui keperibadian yang baik dan mesej positif yang disampaikan oleh pengengaruh tersebut, inisiatif ini mampu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan beretika di alam maya.

Di sebalik pengaruh besar yang dimiliki oleh pengengaruh, mereka juga berhadapan dengan cabaran dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan ini. Antara cabaran terbesarnya, termasuklah sentiasa memastikan sesuatu maklumat yang disampaikan sahih dan tiada unsur manipulasi. Pengengaruh perlu bertanggungjawab terhadap setiap maklumat yang dikongsi kerana kesilapan boleh membawa kepada penyebaran maklumat palsu yang lebih meluas.

Selain itu, tanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran literasi media sosial merupakan sesuatu yang tidak boleh dipandang enteng. Pengengaruh perlu sedar bahawa mereka tidak sekadar mempengaruhi gaya hidup atau fesyen pengikut mereka, tetapi juga cara mereka berinteraksi dan berfikir mengenai sesuatu maklumat yang mereka terima turut perlu diberi perhatian. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pengengaruh ini mempunyai amanah besar untuk memberikan pendidikan awal literasi media sosial ini terhadap pengikut mereka terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Perkara ini menjadi satu daripada tanggungjawab pengengaruh untuk sering mengingatkan para pengikut agar bertindak dengan bijak dan peka akan kesan yang berlaku, sama ada terhadap diri sendiri mahupun orang lain. Mereka juga perlu mendorong pengikut untuk tidak menyertai sebarang aktiviti buli siber, tidak berkongsi kandungan seksual, tidak menulis komen berunsur hinaan dan fitnah. Semua perkara yang dinyatakan di atas merupakan kunci kepada literasi media sosial.

Secara kesimpulannya, penggunaan media sosial telah membuka jalan dan peluang kepada kewujudan pengengaruh



dengan menyediakan platform yang membolehkan sesiapa sahaja berkongsi kandungan kepada audiens sama ada dalam konteks tempatan mahupun pada peringkat global.

Menjadi seorang pengengaruh bermaksud mereka mempunyai amanah dan tanggungjawab besar dalam meningkatkan kesedaran tentang literasi media sosial. Berbekalkan jumlah pengikut yang ramai dan kepercayaan yang diberikan kepada mereka, pengengaruh mampu menjadi ejen perubahan yang berkesan dalam mendidik masyarakat tentang penggunaan media sosial dengan berhemah, beretika dan bijak.

Peranan ini bukan sahaja penting dalam memastikan maklumat disebarkan tepat, bahkan penting demi membina budaya digital yang lebih sihat dan beretika. Sebagai pengguna media sosial, kita perlu sentiasa berwaspada dalam meningkatkan kemahiran literasi media sosial untuk mengelakkan pelbagai jenis salah laku dan jenayah.

Penulis, Pensyarah Kanan di UiTM Kampus Rembau, Negeri Sembilan.

